

Tajuk : 17 pelajar asing pilih UNIMAS lanjut pengajian

4

SARAWAK

17 pelajar asing pilih UNIMAS lanjut pengajian

SAMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menerima kemasukan 320 pelajar baru serta 17 pelajar luar negara di Kampus Kota Samarahan, di sini semalam.

Daripada jumlah itu, 101 adalah pelajar lelaki tempatan dan 219 pelajar perempuan, manakala pelajar antarabangsa pula sembilan lelaki dan lapan perempuan dari Tajikistan, Kyrgyzstan, Bangladesh, Perancis, China, Indonesia, Nigeria dan Eritrea.

Axelle Noloni, 22, dari Perancis, berkata dia terpilih sebagai peserta program pertukaran pelajar di antara UNIMAS dan universiti di negaranya untuk tempoh satu semester atau lima bulan mengikuti pengajian di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebelum kembali ke universiti asal untuk menyambung pengajian.

“Sejak mendaftar di UNIMAS Sabtu lalu, segala-galanya kelihatan amat berbeza dan baru, tetapi saya seronok dapat berkenalan dengan pelajar tempatan,” katanya pada Majlis Ikrar Pelajar UNIMAS Ambilan Sesi 2011/2012 yang dirasmikan Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Khairuddin Abdul Hamid.

Pelajar ijazah seni di Paris itu berkata, dia juga sudah belajar beberapa perkataan Melayu seperti “selamat pagi”, tetapi mengakui masih banyak lagi istilah tempatan harus dipelajarinya.

Farzona Fayzulloeva, 17, dari Tajikistan pula, berkata dia bersama dua rakan sekolah tingginya, Rustam Sharipov, 17, dan Anvarjon Sharipov, 17, memilih UNIMAS selepas mengetahui universiti terbabit menerima pelajar dari Tajikistan.